

## Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Sebagai Gerakan Non-Partisan (1970-an hingga 1980-an): Suatu Analisis Kritikal

The Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) As Non-Partisan Movements  
(1970s to 1980s): A critical Analysis

MOHD ADIB AKMAL AHMAD SHATIR  
ROSFAZILA ABD RAHMAN  
ROHAINI AMIN  
HAIROL ANUAR MAK DIN

### ABSTRAK

*Tahun 1970-an hingga 1980-an adalah jangkamasa yang mencabar buat Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Prinsip perjuangan non-partisan mereka kelihatan tercabar oleh beberapa perkembangan yang masih terus diperkatakan sehingga kini. Artikel ini mempolemikkan tiga perkembangan tahun 1970-an dan 1980-an yang berupaya 'melunturkan' citra non-partisan ABIM ketika itu. Penilaian cuba dibuat untuk mengenalpasti apakah prinsip perjuangan yang non-partisan itu bergerak seiring praktik? Perbincangan dijalankan dengan menggunakan sumber pertama yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia dan juga sumber kedua, selain disokong oleh temubual bersama mantan Ketua Penerangan ABIM (1976-1982) dan mantan Presiden ABIM (1983-1991), Dato' Dr. Siddiq Fadhil. Kajian ini difikirkan mustahak bukan sahaja untuk memahami prinsip non-partisan ABIM, tetapi juga untuk melihat samada ABIM, sebagai sebuah gerakan dakwah yang berpengaruh di Malaysia benar menjalankan peranannya secara bebas, atau turut dipengaruhi sentiment kepartisan tertentu seperti yang didakwa sesetengah pihak.*

*Kata kunci: ABIM; non-partisan; gerakan dakwah*

### ABSTRACT

*The 1970s to 1980s were a challenging time for the Malaysian Islamic Youth Forces (ABIM). The principles of their non-partisan struggle seem to be challenged by some of the developments that are still being discussed up to now. This article discussess three developments of the 1970s and 1980s that sought to 'thwart' the ABIM non-partisan image at that time. Assessment was made to identify whether the principle of non-partisan struggle moves in practice? The discussion was conducted using the first source obtained from the National Archives of Malaysia and also a second source, as well as supported by interviews with former ABIM Information Chief (1976-1982) and former ABIM president (1983-1991), Dato 'Dr. Siddiq Fadhil. The study views that it is important not only to understand ABIM's non-partisan principle, but also to see whether ABIM, as an influential da'wah movement in Malaysia is playing its role independently, or is influenced by certain partisan sentiments as alleged by some.*

*Keywords: ABIM; non-partisan; da'wah movement*

### PENGENALAN

Sekitar 1970-an dan 1980-an, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bukan hanya muncul sebagai gerakan dakwah berpengaruh di Malaysia, tetapi juga menjadi pengamat politik nasional yang vokal (Barraclough 1983). Kedudukan ABIM dalam lapangan dakwah dan kebangkitan semula Islam di Malaysia telah dihujahi oleh ramai pengamat fenomena dakwah. Misalnya Judith Nagata (1984: 87) telah menulis, "when dakwah is mentioned or discussed in Malaysia many minds turn first to ABIM." Bagi Zainah Anwar (1990: 75), "...kedudukan ABIM yang tidak dapat digugat sebagai gerakan

dakwah yang paling penting dan paling berpengaruh di Malaysia..." Chandra Muzaffar (1998: 81) pula menyatakan ABIM ketika itu "...berdiri di barisan depan kebangkitan semula Islam..."

Namun demikian, aktivisme ABIM menggilap kebangkitan semula Islam tidak berjalan dengan kerja dakwah semata-mata, tetapi juga melalui keprihatinan menambahbaik praktis politik negara (Muhamad Abu Bakar 1981). ABIM memanfaatkan pengaruh dalam lapangan dakwah untuk mendorong ahlinya bergerak merealisasikan tuntutan politik Islam (Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2002). Tegasnya, seperti yang disimpulkan Muhamad Abu Bakar (1987:148), "...perjuangan yang ditaja oleh ABIM

mempunyai hubungan secara langsung dengan proses politik nasional.”

Oleh kerana hakikat tersebut, aksi dan reaksi ABIM terhadap isu-isu politik ketika itu sering ditafsirkan sebagai manifestasi pemihakan terhadap parti politik, terutama sekali pihak pembangkang. Suasana tersebut boleh diperlihatkan melalui tuduhan yang dilemparkan oleh Editor Utusan Melayu bertarikh 5 Julai 1978 yang menyebut ABIM menjadi agen kepada PAS. Dakwaan sebegini bertentangan dengan prinsip perjuangan ABIM yang sering dilaungkan pendokongnya sebagai tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Polemik ini sedikit sebanyak menimbulkan percanggahan antara persepsi umum khalayak dengan prinsip gerakan ABIM itu sendiri. Dengan menggunakan pendekatan polemik sejarah, artikel ini cuba menelusuri permasalahan di atas secara lebih mendalam.

#### PRINSIP NON-PARTISAN

‘Non-partisan’ pada dasarnya adalah suatu istilah yang bersifat cair. Penggunaannya rencam, samada untuk membahaskan hal-hal berkaitan idealisme, tingkahlaku sosial ataupun sistem pilihanraya. Tambah merumitkan, penggunaannya juga amat bergantung kepada konteks ruang, masa dan wacana yang mungkin sahaja berbeza. Dalam konteks tulisan ini, penggunaan istilah non-partisan dibuat semata-mata untuk merujuk pada suatu prinsip umum yang menolak adanya komitmen dan pemihakan individu ataupun sesuatu kumpulan ke atas mana-mana parti politik (Oxford Dictionary 2020). Marzuki Mohamad (2003) dalam menghuraikan definisi non-partisan telah merumuskan tiga ciri utamanya iaitu tidak berpihak, tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak dan tidak cenderung kepada sebarang ideologi politik.

Berdasarkan tiga ciri ini, prinsip non-partisan itu sememangnya boleh diperhatikan secara ‘luaran,’ kerana ia melibatkan tindakan ataupun amalan. Namun, menanggapnya dari luaran semata-mata tentu sahaja tidak memadai. Seperti diujahkan Weiss (2013), meskipun mendokong prinsip non-partisan, aktor-aktornya juga lazim bekerjasama erat dengan pelbagai parti politik dalam aktivisme mereka di Malaysia. Dalam ertikata lain, secara luarannya pihak yang mengaku bersifat non-partisan itu boleh sahaja dianggap sebagai bersifat partisan kerana hubungan mereka dengan parti politik. Apa yang harus dipertimbangkan juga adalah dimensi dalaman, iaitu idealisme dan penghayatan

aktor non-partisan itu sendiri ke atas prinsip yang didokongnya. Atas sebab itu, sebagai alat analisis artikel ini menggunakan takrifan dan kefahaman dalaman ABIM sendiri ke atas prinsip non-partisan seperti dibincangkan dalam bahagian selanjutnya.

#### ABIM DAN PRINSIP NON-PARTISAN

ABIM di awal penubuhannya telah menjadi suara kritikal terhadap dasar-dasar kerajaan yang dianggap bertentangan dengan aspirasi mereka. Antara aspirasi ABIM adalah ingin, “menegakkan nilai-nilai Islam dan menghapuskan segala nilai yang bercang-gah dan berlawanan dengan Islam...” (Risalah, bil 4, 1977). Peri kritikalnya ABIM dalam tempoh tersebut diakui sendiri dalam penerbitan rasmi mereka, “...dalam era 70-an semasa di bawah kepimpinan Razali Nawawi dan kemudiannya Anwar Ibrahim, ABIM lebih kepada pendekatan ‘confrontational’ dan ‘vocal’ terhadap kerajaan” (ANM2000/0004422). ABIM ketika itu misalnya pernah membuat kecaman terbuka terhadap Datuk Ali Hj. Ahmad, Mantan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, kerana dianggap orang yang bertanggungjawab melumpuhkan gerakan belia di Malaysia (Suara Merdeka, 10 Oktober 1976).

ABIM juga pernah mengkritik kerajaan yang disifatkan tidak mengambil peduli nasib orang miskin yang kelaparan di Baling, Kedah. Akibatnya Anwar Ibrahim, Presiden ABIM ke-2 telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana aktif menggerakkan khalayak untuk menentang pemerintah (Ameer Ali, 1984). Tindakan penahanan presiden ABIM tersebut telah menyeret pendokong-pendokong ABIM memprotes kerajaan dan menuntut presiden mereka dibebaskan secepat yang mungkin (Mingguan Rakyat, 24 Julai 1976). Selain itu, ABIM turut mengkritik kerajaan berkait pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1975 serta dasar sosial kerajaan yang disifatkan bercanggah dengan tuntutan Islam (Judith Nagata, 1980). Antara dasar sosial kerajaan yang dikritik ialah isu perpaduan kaum di Malaysia yang mana ABIM menganggap pendekatan nasionalisme tajaan kerajaan sebagai ‘jahiliyyah’ (ANM2011/00345). Bagaimanapun, perlu dirakamkan disini, ABIM bukanlah tidak pernah menyokong sebarang usaha kerajaan. ABIM misalnya pernah memberi jaminan kepada kerajaan bahawa mereka akan terus berkerjasama menentang musuh negara terutama dari aspek sosial dan ekonomi (Mingguan Timur, 25 September 1976). ABIM juga misalnya pernah mengeluarkan kenyataan menyokong penuh usaha

kerajaan membanteras gelaja meminum arak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Berita Harian 1976).

Watak dan kepribadian ABIM yang vokal ketika itu telah menimbulkan tanggapan bahawa ABIM adalah wadah yang cenderung kepada parti pembangkang. Ekoran itu, para pemimpin gerakan itu sering disoal tentang pendirian politik ABIM, samada benar anti-kerajaan dan pro-pembangkang? Rata-rata jawapan yang diterima dari pimpinan ABIM bersifat seragam iaitu ABIM adalah badan non-partisan, yakni tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Anwar Ibrahim dalam suatu temubualnya dengan tegas menyatakan, “ABIM akan terus dengan perjuangannya untuk berdakwah dan tidak sekali-kali terniat untuk terlibat dalam politik kepartian...ABIM akan aktif dalam *issue-issue* mengenai politik, tetapi tidak timbul soal ia mahu menjadi parti politik atau mahu menjadi alat politik mana-mana pihak.” (Suara Merdeka, 30 Oktober 1976). Dalam sebuah temubual yang lain, beliau bahkan pernah menjawab dengan agak sinis soalan wartawan yang bertanya tentang punca intelektual muda kurang terlibat dalam politik, “biar orang lain saja yang mengeluh, kami tidak menganggap hal ini sebagai masalah...” (ANM 2002/0007510). Penegasan tentang perkara yang sama juga pernah dibuat oleh Naib Presidennya, Kamaruddin Mohd Noor. Beliau menyatakan, “... menyertai dan menubuhkan parti politik tidak boleh dilakukan. Perlembagaan ABIM tidak benarkan...” (Mingguan Rakyat, 24 Julai 1976). Tegasnya, apa yang diperkatakan oleh kedua-dua pemimpin utama ABIM ini jelas selari dengan suatu frasa yang termaktub dalam Fasal 3.12 Perlembagaan ABIM, iaitu “dalam pergerakannya ABIM tidak akan melibatkan diri dalam mana-mana kegiatan parti politik.” (ANM2007/0022920).

Penegasan tentang prinsip ABIM ini bukan sahaja disebar kepada umum tetapi sering menjadi seruan kepada ahli-ahli ABIM sendiri. Mereka sentiasa diperingatkan dari semasa ke semasa tentang peri mustahaknya prinsip non-partisan ABIM itu dipertahankan. Majalah rasmi ABIM, *Risalah* melalui makalah editornya pernah mengingatkan, “sebuah organisasi --- apa lagi sebuah organisasi umat Islam --- tidak seharusnya terlalu bersifat *political-oriented*, *action-oriented* atau *issue-oriented* dengan mengabaikan orientasi yang lebih asas seperti pembentukan peribadi --- pembinaan mental dan pengisian spiritual.” (Risalah Juru Bicara Umat, 1981: 31). Siddiq Fadhil, Presiden ABIM ke-3, dalam ucapannya di Muktamar Sanawi ABIM tahun 1982 juga telah memperingatkan perkara

serupa kepada para peserta dengan kata, “...bagi pendukung-pendukung gerakan Islam perhitungan politik kepartian tidak seharusnya mengatasi kepentingan gerakan Islam dan *jawharu 'l-'amal 'l-Islamiyy*” (ANM2007/0022915).

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas sekali dapat dilihat ABIM konsisten menyatakan bahawa mereka adalah sebuah gerakan yang non-partisan. Namun, seperti yang dibincangkan pada bahagian awal tadi, konsep ‘non-partisan’ itu sendiri harus disoroti dalam kerangka dalaman, mengikut takrifan dan kefahaman pendokongnya sendiri. Justeru, dalam konteks penulisan ini, adalah penting untuk konsep tersebut difahami juga dalam kerangka penafsiran ABIM supaya kefahaman mereka terhadap istilah tersebut tidak pula dipadankan secara melulu dengan kefahaman serta penafsiran sendiri. Marzuki Mohamad (2003) telah membahaskan konsep ini mengikut sudut pandang ABIM. Menurutny,

“...prinsip ‘*non-partisan*’ dalam ABIM bukanlah satu prinsip yang menghalang ahli-ahli ABIM daripada membuat pendirian politik. Jauh sekali daripada bermaksud untuk menghalang ABIM daripada menanggapi persoalan-persoalan politik. Sebaliknya, yang dimaksudkan dengan prinsip ‘*non-partisan*’ ialah kebebasan berfikir untuk membuat pendirian politik tanpa terpengaruh atau berada di bawah telunjuk mana-mana pihak. Ini bermakna, sekiranya ABIM mengambil pendirian untuk berpihak kepada mana-mana pihak sekalipun, pendirian itu tidak bermakna ABIM terkeluar daripada prinsip ‘*non-partisan*’nya selagi mana pendirian itu dibuat secara bebas”

(Marzuki Mohamad 2003: 28).

Apa yang diperkatakan oleh Marzuki Mohamad nampaknya secocok dengan kefahaman ABIM, yakni non-partisan bukanlah bermakna ABIM harus ‘*apathy*’ dalam proses politik di Malaysia, tetapi lebih kepada mengambil sikap tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Siddiq Fadhil menerangkan,

“Kita berpartisipasi di dalam politik, cuma bentuknya itu non-partisan, dalam erti tidak terikat dengan mana-mana parti politik. Politik *yes*, parti politik *no!* Dan non-partisan itu tidak bererti bahawa kita mesti lain dan punyai pendirian berbeza dengan mana-mana parti. Kalau berbeza, berbezaalah, kalau sama-samalah. Cuma, kita tak terikat, dari dulu dan sekarang, ABIM itu memang tak terikat dengan mana-mana parti politik. Jika ada persamaan dan perbezaan dengan parti-parti politik, itu hal-hal yang kebetulan. Kita tak terikat.”

(Temubual, 12 November 2012).

Ringkasnya, pengertian non-partisan pada ABIM seperti yang termuat dalam penerangan di atas (samada penerangan Marzuki Mohamad ataupun Siddiq Fadhil) jelas sekali menekankan suatu elemen fundamental yang menjadi pegangan ahli gerakan

mereka iaitu ABIM tidak terikat dengan mana-mana parti politik, dalam perjalanannya sebagai sebuah gerakan dakwah. Sebarang persamaan dan pertentangan dengan mana-mana parti politik hanya dianggap sebagai kebetulan sahaja. ABIM menolak sebarang kaitan antara gerakannya dengan mana-mana parti politik samada secara langsung ataupun tidak. Bertitik tolak daripada kefahaman itu, perbincangan selanjutnya akan cuba menilai sikap non-partisan ABIM melalui tinjauan ke atas kes-kes yang berupaya menjadi bahan polemik kepada prinsip ABIM ini dalam era 1970-an dan 1980-an.

#### NON-PARTISAN: PRINSIP SELARI PRAKTIK?

Terdapat beberapa kes yang boleh dijadikan kayu ukur untuk menilai keselarian antara penyuaran pendirian non-partisan ABIM dengan penghayatan mereka terhadap prinsip tersebut. Maknanya, kes-kes ini mampu menjadi asas perbincangan untuk memahami samada ABIM telah mempraktikkan pendirian non-partisan mereka dalam aktivisme, atau ia sekadar menjadi suatu ideal yang terakam dalam lembaran-lembaran kertas sahaja. Walaupun terdapat banyak kes yang boleh di analisis, namun, penulisan ini hanya akan memberi perhatian kepada tiga isu mendasar sahaja, yakni kes-kes yang sedia menjadi wacana umum selama ini.

#### ABIM DAN POLITIK PARTISAN

Sejarah telah merakamkan, ramai pemimpin ABIM telah bergiat aktif dalam parti politik selepas tidak lagi bergiat dalam badan tersebut. Tokoh seperti Sanusi Junid, Anwar Ibrahim, Fadzil Noor, Abdul Hadi Awang, Nakhaie Hj. Ahmad dan Kamaruddin Mohd Noor (sekadar menyebut beberapa nama), telah terkenal sebagai pemain politik partisan yang berpengaruh. Para pemimpin ABIM lazimnya meletakkan jawatan mereka untuk bertanding sebagai calon pilihanraya mewakili parti politik tertentu (Barraclough 1983). Fadhil Noor, Nakhaie Ahmad dan Syed Ibrahim misalnya telah meletakkan jawatan dalam ABIM untuk bertanding mewakili PAS dalam pilihanraya 1978. Anwar Ibrahim pula telah meletakkan jawatan sebagai Presiden ABIM pada tahun 1982 untuk bertanding mewakili UMNO dalam pilihanraya tahun tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat juga ura-ura yang mengatakan para pemimpin ABIM akan turut bertanding dalam pilihanraya tanpa meletakkan jawatan dan tanpa mewakili mana-mana parti politik

(calon bebas). *Berita Harian* (18 Februari 1976) misalnya pernah melaporkan, dalam pilihanraya kecil Parlimen Pekan 1976, ABIM ingin meletakkan calonnya sendiri samada Osman Bakar atau Fadzil Noor sebagai calon bebas bagi menentang PAS dan Barisan Nasional.

Tokoh-tokoh yang mula bergiat dalam politik partisan ini rata-ratanya telah disambut meriah oleh ahli-ahli parti. Sambutan luar biasa misalnya telah diterima Fadzil Noor dan Abdul Hadi Awang di dalam PAS. Hanya kurang lebih 10 tahun, Fadzil Noor telah dilantik sebagai Yang Di-Pertua PAS Pusat dan Abdul Hadi Awang sebagai Timbalan Yang Di-Pertua PAS Pusat. Anwar Ibrahim pula nampaknya mendapat sambutan yang lebih meriah dalam UMNO. Beliau, usai kemenangan sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh pada 1982, terus sahaja di lantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ameer Ali 1984). Perlantikan ini begitu drastik kerana ketika itu Anwar hanya beberapa bulan sahaja menjadi ahli UMNO. Suasana sambutan yang diterima Anwar Ibrahim di dalam UMNO bukanlah suatu yang amat mengejutkan. Ini kerana keberadaan aktivis gerakan Islam seperti Anwar Ibrahim di dalam UMNO dianggap mampu meningkatkan imej parti itu sebagai wadah perjuangan Islam (Camroux 1996). Ekoran sambutan memberangsangkan terhadap penyertaan pimpinan ABIM dalam parti politik, ia seolah menggambarkan, penyertaan mereka bukanlah penyertaan biasa, sebaliknya adalah yang dinantikan. Bahkan, tidak keterlaluan jika dikatakan, penyertaan mereka adalah penyertaan yang dilobi, ekoran, sebaik sahaja para pemimpin ABIM menyertai parti politik, mereka terus diamanahkan untuk menjadi calon parti dalam pilihanraya.

Perihal lobian ini nampaknya diperaku sendiri oleh Siddiq Fadhil, mantan Ketua Penerangan ABIM (1976-1982). Menurut beliau, memang benar ramai pimpinan ABIM dilobi untuk menyertai parti politik tertentu. Anwar Ibrahim umpamanya telah dilobi oleh Dr. Mahathir untuk menyertai UMNO, dan dalam masa yang sama, turut dipancing untuk menyertai PAS oleh Dato' Asri (Yang Di-Pertua PAS). Fadzil Noor dan Abdul Hadi Awang pula, ekoran komitmen dakwah mereka, terus-terusan dilobi oleh PAS supaya sedia menjadi pelapis dalam parti tersebut (Temubual, 12 November 2012). Perakuan berterus-terang Siddiq Fadhil ini dari suatu segi membawa maksud, para pimpinan ABIM sebenarnya telahpun memupuk kecenderungan politik kepartian mereka semenjak di dalam gerakan itu lagi. Kecenderungan kepada parti politik ini



kelihatannya bercanggah dengan prinsip non-partisan seperti yang sering dilaungkan ABIM. Apakah ABIM sememangnya membiarkan sahaja sikap partisan pimpinannya itu subur ketika mereka masih berada di dalam gerakan?

ABIM nampaknya secara tidak langsung memperakui wujudnya kecenderungan tersebut. Siddiq Fadhil menjelaskan,

“...bagi pemimpin yang ingin meninggalkan ABIM untuk bergiat dalam parti politik, syura ABIM akan bermesyuarat dan membuat keputusan samada membenarkan mereka meninggalkan ABIM ataupun tidak. Jika dibenarkan, maka jawatan mereka harus dikosongkan bagi menjamin ABIM terus bersifat non-partisan”

(Temubual, 12 November 2012)

Sebenarnya, apa yang cuba digambarkan oleh Siddiq Fadhil adalah, ABIM tidak berupaya menghalang kecenderungan pimpinannya untuk bergiat dalam parti politik. Apa yang mampu dilakukan hanyalah memastikan kecenderungan itu tidak merebak ke seluruh organisasi ABIM dengan cara meminta pemimpin berkenaan meletakkan jawatan sebaik sahaja mengetahui minat mereka untuk bergiat dalam medan politik partisan. Segala-galanya dilakukan bagi memastikan citra non-partisan ABIM terus terpelihara. Menyedari hanya itulah sahaja yang mampu dilakukan bagi mengimbangi hak demokratik pemimpin ABIM dan citra organisasi, Editor *Risalah* dengan tegas cuba menggambarkan bahawa, kewajipan untuk para pemimpin ABIM meletak jawatan sebelum bergiat dalam parti politik itupun sudah cukup membuktikan betapa ABIM terus konsisten dengan prinsip non-partisannya.

Beliau menulis, “...perletakkan jawatan itu sebenarnya sudah lebih dari cukup untuk mempertahankan sifat “non-partisan” nya ABIM. Malah kalau menurut kebiasaan yang berlaku di kalangan lain-lain badan belia/da’wah perletakkan jawatan itu pun sebenarnya tidak perlu” (*Risalah Juru Bicara Umat* 1981: 42). Berdasarkan reaksi begini jelas sekali ABIM terpaksa mempertahankan diri dengan hujah: mereka sentiasa bersikap non-partisan kerana para pemimpin yang ingin bergiat dalam politik partisan dikehendaki meletakkan jawatan. Adapun, sepanjang tinjauan literatur dibuat ke atas kenyataan-kenyataan rasmi ABIM, mereka tidak pernah menafikan bahawa, kecenderungan pemimpin mereka ke arah parti-parti politik tertentu, telah terbentuk ketika mereka masih aktif di dalam ABIM, sekaligus seakan memperaku bahawa dalam kes ini, ABIM tidak terelak untuk bersifat partisan, melalui terjemahan sikap pemimpin mereka.

Dalam penekatan terhadap isu ini, bukan sahaja pemimpin ABIM mempunyai kecenderungan terhadap politik partisan, tetapi juga ahli-ahlinya. Akhbar *Utusan Melayu* (5 Julai 1978) misalnya pernah menyelar penglibatan aktif ahli ABIM sebagai jentera pilihanraya parti pembangkang. Hal yang hampir sama dengan apa yang didakwa oleh akhbar berkenaan juga turut diungkapkan oleh salah seorang pengamat aktivisme ABIM, Chih Feng Lum. Beliau menukikan, “Ramai ahli ABIM mempunyai latar belakang politik. Mereka secara aktifnya mengambil bahagian dalam politik dan selalunya pendirian dan *faction* politik mereka juga terbawa-bawa ke dalam organisasi ABIM...” (Chih Fei Lum 2001: 15). Parti politik yang menjadi pilihan utama ahli-ahli ABIM ketika itu adalah PAS, ekoran kemiripan aspirasi mereka (Hussin Mutalib 1990). Eratnya hubungan dan sinonimnya PAS dengan ABIM (baca ahli PAS dan ahli ABIM) ketika itu boleh dicontohkan melalui kes pendakwaan ke atas Abu Bakar Chik dan Omar Shukri yang didakwa memberi kuliah tanpa kebenaran di Kemaman, Terengganu pada 1981. Abu Bakar Chik dan Omar Shukri adalah bekas pemimpin ABIM yang telah meletak jawatan untuk bergiat aktif dalam PAS. Dalam kes di Kemaman, oleh kerana pemimpin-pemimpin PAS tidak dibenarkan memberikan kuliah di masjid-masjid, maka dua orang pemimpin PAS ini telah menggunakan *platform* ABIM untuk masuk dan beraktiviti di masjid terlibat (ABIM tidak dihalang untuk menjalankan aktivitinya di masjid-masjid negeri Terengganu). Walaupun menggunakan *platform* ABIM, namun, kedua-dua mereka telah bercakap sebagai wakil PAS, sekaligus berkempen untuk parti tersebut. Bagi menghadapi pendakwaan, PAS meminta ABIM untuk turut berkerjasama membela kedua-dua orang tertuduh ini atas prinsip kedua-dua wadah ini berkongsi matlamat yang sama - ingin mendaulatkan Islam (Mingguan Bumi 1982).

Selain itu, ramai yang jelas mengetahui bahawa bukan sahaja ahli ABIM terlibat dalam PAS, tetapi ramai juga ahli PAS yang bergiat aktif di dalam ABIM, terutamanya dalam era PAS berada dalam Barisan Nasional (David Camroux, 1996). Bukan sekadar ahli PAS sahaja terlibat aktif dalam ABIM, tetapi juga melibatkan ahli UMNO, terutama yang cenderung kepada aspirasi dakwah (Simon 1983). Pengaruh dan peri pentingnya penglibatan ahli-ahli ABIM turut menerima dakwaan tentang penglibatan mereka ke dalam parti politik yang meluas kepada parti yang jelas tidak berkongsi aspirasi perjuangan yang sama dengan ABIM. Ahli ABIM misalnya turut didakwa terlibat dalam aktivisme Pasti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) (ANM1997/01528).

Berbeza dengan ketetapan ABIM terhadap para pemimpinnya yang ingin bergiat dalam parti politik; dalam kes ahlinya, ABIM memang membuka ruang seluas-luasnya untuk mereka berpartisipasi dalam politik partisan. Editor *Risalah* pernah menulis, "...disiplin ABIM memberikan hak kepada yang berhak. Disiplin dalam tanggapan kita bukan bererti mengongkong seseorang hingga ia tidak menikmati haknya sebagai warga sebuah negara demokrasi" (*Risalah Juru Bicara Umat* 1981). Tidak hanya editor majalah rasmi ABIM itu berpandangan sedemikian, tetapi juga Anwar Ibrahim, Presiden ABIM sendiri. Menurutnya, "...kiranya ada ahli-ahli ABIM yang hendak menyertai mana-mana parti politik silakan" (*Suara Merdeka* 1976). Hal sama turut diperakukan oleh Muhammad Nor Manuty, mantan Presiden ABIM ke-4, "Ahli ABIM mempunyai hak memilih mana-mana parti politik yang bersesuaian dengan pendirian mereka" (Dipetik dari Chih Feng Lum 2001: 16). Dasar ABIM yang amat terbuka terhadap ahli ini digubal dengan logik tertentu. Antaranya menurut Siddiq Fadhil, "...takkan kita nak menghalang orang UMNO masuk ABIM, orang PAS masuk ABIM. Jika kita nak menghalang semata-mata kerana mereka orang politik, mana fungsi ABIM sebagai gerakan umat? ABIM adalah *Harakatul-ummah*, suara umat" (Temubual, 12 November 2012).

Kembali mempersoalkan, tidakkah penglibatan aktif ahli-ahli ABIM dalam parti politik, (seterusnya fleksibiliti ABIM sendiri) boleh dilihat sebagai ABIM telah bertindak partisan? Secara selapis, prinsip non-partisan ABIM kelihatan telahpun longgar. Bagaimanapun, adalah keterlaluan untuk mengatakan ABIM, sebagai sebuah organisasi telahpun melanggar prinsip non-partisannya selama ini. Hal ini kerana, yang dibenarkan aktif dalam politik partisan hanyalah ahli-ahlinya sahaja. Para pemimpin ABIM masih tidak dibenarkan bertindak sama sepertimana para ahli ABIM. Ini bererti, ABIM, dari segi organisasi tidakkah diberikan kelonggaran partisan secara meneluruh. Bagaimanapun, oleh kerana segmen yang berpartisipasi aktif dalam parti politik itu mewakili kelompok terbesar dalam organisasi ABIM, maka, tentunya ABIM sukar mengelak untuk dipersepsikan sesetengah pihak sebagai bersikap partisan.

#### ABIM DAN HUBUNGAN DENGAN UMNO PASCA-1982

Chandra Muzaffar (1988: 63) dalam pengamatannya terhadap hubungan ABIM dan UMNO telah

mengungkapkan, "Ada yang berpendapat UMNO patut diberi peluang untuk membuktikan apa yang dilakukannya untuk Islam. Oleh itu, beberapa pegawai ABIM membuat keputusan akan menyokong penuh parti itu." Perkara yang sama turut disedari oleh Chih Feng Lum (2001: 16), "...mulai tahun 1980-an, memang ada ramai ahli ABIM yang menyertai UMNO." Dalam hal ini, ABIM pada era 1980-an nampaknya telah mengubah sikap konfrontasi mereka terhadap kerajaan Barisan Nasional (yang diterajui UMNO) selama ini, kepada sikap lunak dan kooperatif (Badlihisam Mohd Nasir 2008). UMNO pula, rentetan perubahan pendekatan ABIM, telah memberi layanan mesra terhadap gerakan itu selepas tahun 1980-an. ABIM tidak lagi dianggap oleh parti tersebut sebagai '*a group of deviationists, extremists, and fanatics*,' sebaliknya telah diangkat menjadi rakan kongsi yang amat disenangi (Ameer Ali 1984). Persoalannya, kenapa ABIM menjadi lunak terhadap UMNO pasca-1982?

Titik perubahan ini jelas kelihatan semenjak Presiden ABIM yang paling berpengaruh, Anwar Ibrahim membuat keputusan untuk menyertai UMNO pada tahun 1982. Susulan itu, atas dasar kesetiakawanan, ABIM telah memberi sokongan padu kepada mantan pimpinannya itu di dalam UMNO. Sokongan ini dibuat atas dua pertimbangan. Pertama sekali, kemasukan Anwar dianggap mewakili aspirasi ABIM dalam UMNO – "untuk mempercepat proses Islamisasi dan mempertingkatkan nilai Islam dalam pelbagai bidang" (Chih Feng Lum 2001: 17). Anwar juga dikatakan menyimpan "hajat untuk meredakan warna nasionalisme kemelayuan UMNO dan menggantikannya dengan ideologi Islam universal" (*Ibid.*). Dek kerana aspirasi Anwar di dalam UMNO ini sepadan sekali dengan kehendak-kehendak perjuangan ABIM, maka 'penghijrahan' beliau dianggap sebagai tidak lebih sekadar memilih wadah yang lebih strategik untuk menambah jaya matlamat perjuangan mereka – lantas melayakkannya disokong. Pertimbangan kedua yang mendorong sokongan ABIM terhadap Anwar (sekaligus UMNO) adalah kerana gerakan itu bimbang, tanpa dokongan mereka perjuangan Anwar di dalam UMNO akan terbantut. Dibimbangi, tanpa dokongan belakang tabir ABIM, Anwar akan keseorangan membawa idea islah dalam parti politik tersebut (Siddiq Fadzil, temubual 12 November 2012). Tidakkah perkembangan ini juga seakan menggambarkan ABIM telahpun bersifat partisan?

ABIM dengan tegas menafikan mereka telah bersifat partisan susulan kemasukan Anwar ke dalam UMNO. Perihal tersebut telah dipertegaskan

semenjak awal kemasukan Anwar lagi dalam suatu kenyataan akhbar, “ABIM juga ingin mengulangi sikap dan pendiriannya sebagai sebuah gerakan Islam di Malaysia dan rantau ini untuk meneruskan perjuangan, kegiatan-kegiatan dan program-programnya tanpa melibatkan diri dalam kegiatan politik kepartian dan insyaAllah akan terus mempertahankan identiti tersebut” (ANM2007/00022894). Hal yang sama telah diungkap oleh Muhammad Nor Manuty, “Apabila Anwar Ibrahim masih berkhidmat dengan UMNO, memang ramai yang menyertai UMNO. Tetapi dalam penjalinan hubungan baik dengan kerajaan, pada masa yang sama, ABIM masih berusaha mengekalkan dirinya sebagai organisasi yang bebas, dan selalu mengkritik mana-mana dasar yang tidak baik” (dipetik dari Chih Feng Lum, 2001: 16). Bagi Siddiq Fadhil (temubual 12 November 2012) pula, hubungan rapat antara ABIM dan Anwar tidak bererti gerakan tersebut mendokong UMNO, sebaliknya mereka hanya mendokong polisi-polisi kerajaan yang dianggap wajar – dengan kesedaran, UMNO dan kerajaan adalah dua entiti yang berbeza. Bahkan, beliau dengan tegas pernah berucap menafikan bahawa ABIM (pasca-1982) telah menjadi pendokong kepada UMNO,

“ABIM adalah sebuah harakah Islamiah yang mandiri dan *independent*, sebuah wadah yang punya manhaj dan programnya sendiri dalam memperjuangkan cita-cita Islamiahnya, ABIM bukan wadah sementara, ABIM bukan wadah transit dan bukan wadah pembekal tenaga kepada mana-mana wadah lain”

(ANM2007/01053).

Dalam kes ini, menuduh ABIM telah bersikap partisan kerana mendokong UMNO tentulah agak keterlaluan. ABIM dengan keras telah menafikan sokongan mereka terhadap UMNO dan terus mempertegaskan mereka adalah sebuah organisasi yang masih non-partisan. Adapun jika ada ahli dan pimpinan ABIM yang cenderung kepada UMNO selepas 1982, maka, perbincangan awal dalam penulisan ini telah memadai merungkai persoalan tersebut. Bagaimanapun, perlu dipertegaskan disini, walaupun secara organisasinya, ABIM masih boleh dianggap terus bersifat non-partisan, namun, pendekatan mereka terhadap parti politik khususnya UMNO ternyata jauh lebih lunak. Ini tercermin melalui kata-kata Presiden ABIM ketika itu, “ABIM masih konsisten sebagai jurubicara umat tetapi bukanlah jurubicara yang melulu” (dipetik dari Marzuki Mohamad 2003: 26). Beliau juga pernah berkata, “politik kepartaian dan seterusnya penyertaan dalam pilihanraya bukanlah uslub asasi”

(ANM2007/0022915). Bukankah ini tanda akan pertambahan darjah keterbukaan ABIM terhadap politik dan parti politik itu sendiri? – sesuatu yang tidak muncul pra-1982.

## ABIM DAN POLITIK KAMPUS

Camroux (1996) dalam pengamatannya terhadap ABIM pernah mengklasifikasikan gerakan tersebut sebagai badan yang mempunyai pengaruh kuat terhadap pergerakan pelajar di kampus. Perkara yang sama turut diperkatakan dengan lebih mendalam oleh salah seorang pengkaji gerakan dakwah di kampus yang menonjol, Zainah Anwar (1990). Menurut beliau, ABIM melalui proksinya dalam kalangan pelajar, Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM) telah memainkan peranan aktif untuk memastikan kemenangan kumpulan ‘dakwah’ (Persatuan Mahasiswa Islam) dalam pilihanraya kampus. Chih Feng Lum (2001) pula menyifatkan era sebelum 1982 adalah zaman kemuncak ABIM di kampus. Persoalannya, adakah hal ini merupakan petunjuk ABIM itu sekurang-kurangnya telah menggalakkan sikap partisan (walaupun kepada pelajar), sekaligus bertentangan dengan prinsip non-partisan yang mereka junjung dalam perjuangan? Walaupun mungkin ABIM hanya merujuk prinsip non-partisannya dalam kerangka politik nasional, namun sewajarnya jika itulah prinsip yang dipegang, ABIM harus mengimplementasinya dalam kesemua peringkat termasuk kepada gerakan pelajar di kampus-kampus yang dinaunginya.

Dari suatu segi, memanglah penglibatan ABIM dalam kegiatan pelajar di kampus sukar untuk dinafikan. Laporan rasmi ABIM sendiri telah menunjukkan bahawa para pimpinan dan aktivis ABIM kerap kali turun ke kampus-kampus untuk menjalankan kegiatan mereka. Misalnya, dalam tahun 1982 sahaja, ABIM telah mengadakan dua aktiviti besar di kampus, iaitu, Simposium Siswazah Muda pada 13 Jun dengan pembentangan kertas utama oleh Presiden ABIM, Siddiq Fadhil yang bertajuk “Gerakan Pelajar: Sumbangannya Terhadap Kebangkitan Islam di Malaysia – Satu Analisis (1967-1981) (ANM2007/00022894). Kedua, ABIM juga telah menganjurkan majlis silaturrahim ke kampus-kampus untuk menarik perhatian para pelajar supaya bersama mereka. Bagaimanapun, kedua-dua program ini, selain sedemikian banyak program yang dirangka ABIM untuk para pelajar universiti ditolak oleh Siddiq Fadhil untuk dianggap sebagai usaha memupuk sikap kepuakkan politik

dalam kalangan pelajar naungan mereka (partisan). Bahkan, beliau menyifatkan sebarang dakwaan yang mengatakan ABIM terlibat mempengaruhi pelajar untuk bersifat partisan dalam pilihanraya kampus sebagai tidak berasas. Menurutnya,

“penglibatan ABIM di kampus hanyalah dari aspek memberikan tarbiah kepada para pelajar supaya mereka dapat menghayati cara hidup Islam dengan lebih ber-makna. Lantaran itu, jika mereka merasakan perlu memegang tampuk Majlis Perwakilan Pelajar dengan cara berpolitik secara partisan, ABIM berlepas tangan.”

(Temubual, 12 November 2012).

Dalam perihal tarbiah itu sendiri, Siddiq Fadhil menambah, “kita memang tidak ada menyentuh langsung tentang hal berkait politik, kita hanya fokus kepada hal-hal berhubung dengan usaha untuk mengangkat Islam sebagai ‘*the way of life*’ (Temubual 12 November 2012). Apa yang dinyatakan oleh beliau nampaknya terbukti benar jika ditinjau salah satu silibus tarbiah tajaan ABIM iaitu Tamrin al-Kader (Jadual 1). Silibus bagi tamrin tersebut jelas sekali tidak mengandungi doktrinasi politik kepada khalayak yang mengikutinya, sebaliknya lebih terfokus kepada perkara-perkara

JADUAL 1. Sukatan Tamrin Al-Kader ABIM

Peringkat	Sukatan
Unit	Iman / Tauhid Akhhlak Ibadah Organisasi I Persiapan I
Daerah	Analisis Sejarah Peribadi Rasulullah Hukum (Syariat) Pemikiran Islam dari segi Akidah Organisasi II Persiapan II Projek Masyarakat Tempatan
Negeri	Pengetahuan Sekitar Quran & Hadis Jihad Sistem Hidup Islam Tatatertib Dakwah I Sejarah Perkembangan Islam Organisasi III Persiapan III
Kawasan	Perbandingan Agama dan Ideologi dari segi Teori dan Praktik Masyarakat Islam Nusantara dengan Tekanan Khusus kepada Malaysia Sejarah dan Pemikiran Islam Organisasi IV Persiapan IV Tatatertib Dakwah II
Kebangsaan	Perbandingan Pergerakan Islam Kini Persoalan-persoalan Semasa Aliran Ideologi Kini Aliran di Malaysia Persiapan V Tatatertib Dakwah III

Sumber: ANM 2002/0017523. Fail Mukhtar Khas (Tamrin al-Kader) Angkatan Belia Islam Malaysia. Kota Bharu, Kelantan. 5-7 April 1974.



berkaitan akhlak, fekah, sejarah dan strategi dakwah semata-mata (ANM 2002/0017523).

Justeru, dalam kes ini, berdasarkan bukti-bukti yang cukup terbatas, ABIM memang tidak boleh dianggap sebagai berperanan untuk membentuk sikap partisan kepada para pelajar yang cenderung kepadanya. ABIM hanya menyediakan modul tarbiah, selebihnya jika para pelajar mahu menyebarkanluaskannya pula kepada para pelajar lain melalui cara berpolitik di kampus, maka seperti kata Siddiq Fadhil, 'ABIM berlepas tangan.' Pengaruh ABIM yang nyata terhadap anak-anak kampus hanyalah dari aspek penggilapan nilai Islam dan pemupukan iltizam dakwah semata-mata, bukannya sebagai juru atur atau pemikir politik kepada jentera pilihanraya pelajar.

#### ANALISIS PRINSIP NON-PARTISAN ABIM

Apa yang nyata melalui tiga contoh kes yang diperkatakan di atas, prinsip non-partisan ABIM tidaklah mudah untuk disimpulkan samada selari atau tidak dengan praktik aktivisme mereka. ABIM nampaknya seakan mengamalkan suatu prinsip non-partisan yang longgar dan luwes. Dari segi organisasinya di suatu peringkat, ABIM terus tegas menjaga wadahnya supaya tidak lari dengan prinsip non-partisan yang dipegang mereka. Atas sebab itu, hingga hari inipun, ABIM tidak pernah mengisytiharkan ataupun diisytiharkan oleh pihak lain sebagai 'sayap' kepada mana-mana parti politik, hatta di saat bekas pemimpin ABIM yang berpengaruh, Anwar Ibrahim menjadi Timbalan Presiden UMNO. ABIM nampaknya terus berjalan sebagai sebagai sebuah wadah bebas, yakni non-partisan. Namun, di suatu peringkat yang lain pula, pengamalan prinsip non-partisan ABIM seakan 'terganggu' dengan kes-kes penglibatan pemimpinnya dalam parti politik, seperti yang dibincangkan melalui kes pertama dalam penulisan ini. Kecenderungan politik yang pastinya terbentuk di saat para pemimpin berkenaan masih bergiat dalam ABIM tentunya meninggalkan sedikit calaran terhadap praktik non-partisan gerakan tersebut. Ia menjadi bertambah rumit apabila ABIM – sebuah badan yang non-partisan – membiarkan sahaja ahlinya bergiat bebas dalam parti politik. Keahlian mereka dalam parti politik tentunya sedikit sebanyak mempengaruhi aktivisme dalam ABIM, kerana ahli sesebuah organisasilah yang akan menjadi penentu dasar paling berpengaruh. Kecenderungan ABIM berkerjasama rapat dengan kerajaan terajuan UMNO

pasca-1982 dan penaungan mereka terhadap gerakan pelajar di kampus-kampus pula boleh sahaja dilihat sebagai manifestasi partisan gerakan itu kerana penglibatan mereka yang ketara aktifnya. Namun, berkait dua kes ini, seperti yang diperkatakan dalam perbincangan tadi, ia tidak wajar ditebak sebagai manifestasi partisan ABIM.

Apa yang difikirkan menjadi punca kekaburan sekaligus 'gangguan' kepada praktik non-partisan ABIM adalah, walaupun ABIM berpegang kepada prinsip non-partisan, namun mereka adalah gerakan yang cukup prihatin terhadap hal-ehwal politik dan segala perkembangannya. Ini menjadikan persoalan politik nasional sentiasa menjadi pertimbangan ABIM dalam aktivismenya. Jika ada perkembangan dalam arena politik yang mereka tidak bersetuju, maka pastinya mereka akan membidasnya. Begitu juga apabila terdapat perkembangan arena politik yang dipersetujui dan dianggap wajar, ABIM tentu sahaja akan menyatakan sokongannya. Inilah yang dimaksudkan oleh aktivis-aktivis mereka sebagai 'jurubicara umat', yakni berani tampil ke hadapan untuk menyuarakan hasrat dan pandangan masyarakat (yang dianggap bersama mereka). Tentunya bentuk aktivisme begini berisiko untuk menghasilkan canggahan-canggahan yang kontroversial – sebuah badan non-partisan, tetapi sentiasa aktif dalam wacana politik nasional, bahkan, bukan sahaja aktif, tetapi kerap kali posisi ABIM dalam wacana tersebut pro dan kontra kepada parti politik tertentu. Atas bentuk aktivisme sebeginilah, maka kekaburan terhadap praktik non-partisan ABIM sentiasa sahaja disuarakan oleh ramai pengamat pergerakan mereka hingga ke hari ini.

#### KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, eloklah dipertegaskan bahawa ABIM tetap mempertahankan prinsip non-partisan mereka. ABIM muncul sebagai gerakan yang mampu menimbulkan persoalan kepada masyarakat umum tentang pendirian politik sebenar mereka dalam tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Hingga kini ABIM masih belum menerima labelan tegas dari masyarakat sebagai fraksi kepada mana-mana parti politik, seperti yang pernah diterima oleh sesetengah NGO lain di Malaysia. Bagaimanapun, disebalik pegangan ABIM ke atas prinsip non-partisannya itu, terdapat banyak perkara yang meletakkan gerakan tersebut di tengah-tengah medan kabur antara partisan dan juga non-partisan. Perkara-perkara inilah yang kemudiannya menjadikan

polemik tentang konsistensi ABIM terhadap aplikasi prinsipnya terus-terusan menjadi rancak. Jika tiada perkara-perkara seperti yang diperkatakan ini (selain banyak lagi kes-kes lain yang tidak dibincangkan dalam penulisan ini), maka tentunya, perbincangan, polemik, bahkan pertikaian tentang keselarian prinsip dan praktik non-partisan ABIM tidak akan terheret hingga ke hari ini.

#### RUJUKAN

- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2002. The formative years of the *dakwah* movement: Origins, causes and manifestations of Islamic resurgence in Malaysia. *Jurnal IKIM* 10 (2): 87-124.
- Ali, Ameer. 1984. Islamic revivalism in harmony and conflict: The experience in Sri Lanka and Malaysia. *Asian Survey* 24 (3): 296-313.
- ANM 2000/0004422. Angkatan Belia Islam Malaysia: Membina dan Memimpin Tamadun Khaira Ummah Abad 21.
- ANM 2002/0007510. ABIM Tak Sanggup Jadi Kuda Tunggalan (Keratan Majalah).
- ANM 2002/0017523. Muktamar Khas (Tamrin al-Kader) Angkatan Belia Islam Malaysia. Kota Bharu, Kelantan. 5-7 April 1974.
- ANM 1997/01528. Surat Pengarah Institut Dakwah dan Latihan Islam kepada Setiausaha ABIM. 30 Julai 1970.
- ANM 2007/00022894. Laporan Tahunan Minit Muktamar Sanawi ke-10 (1981-1982), 3-5 September 1982.
- ANM 2007/0022915. Ucapan Dasar Pemangku Presiden ABIM di Muktamar Sanawi ke-11. 3-5 September 1982.
- ANM 2007/0022920. Perlembagaan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) - Pindaan 1981.
- ANM 2007/01053. Ucapan Dasar Presiden ABIM di Muktamar Sanawi ke-12. 30 Julai-5 Ogos 1983.
- ANM 2011/00345. Ucapan Dasar Presiden ABIM di Muktamar Sanawi ke-4. 7 Disember 1975.
- Badlihasham Mohd Nasir. 2008. Ketokohan dan pemikiran dakwah Dato' Dr. Siddiq Fadhil. *Jurnal Usuluddin* 27: 61-80.
- Barracough, S. 1983. Managing the Challenges of Islamic Revival in Malaysia: A Regime Perspective. *Asian Survey* 23 (8): 958-975. *Berita Harian*, 7 Januari dan 18 Februari 1976.
- Camroux, D. 1996. State responses to Islamic resurgence in Malaysia: accommodation, co-option, and confrontation. *Asian Survey* 36 (9): 852-868.
- Chandra Muzaffar. 1988. *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Terj. Adibah Amin. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Chih Feng Lum. 2001. *ABIM: 3 Dekad yang Penuh Dugaan*. Kuala Lumpur: Teras Penerangan ABIM Pusat.
- Temubual Dato' Dr. Siddiq Fadhil, Mantan Ketua Penerangan ABIM (1976-1982) dan Mantan Presiden ABIM (1982-1991). Kolej Dar al-Hikmah, Sungai Ramal Dalam, Kajang. 12 November 2012.
- Hussin Mutalib. 1990. Islamic revivalism in ASEAN states: Political implications. *Asian Survey* 30 (9): 877-891.
- Marzuki Mohamad. 2003. Prinsip non-partisan ABIM dalam percaturan politik semasa: Satu analisis. Dlm. *Model Dakwah ABIM: Meniti Sejarah Membangun Ummah*, disunting oleh Ahmad Azam Abdul Rahman, 23-37. Kuala Lumpur: ABIM.
- Mingguan Bumi*. 21 Ogos 1982.
- Mingguan Rakyat*. 24 Julai 1976.
- Mingguan Timur*. 25 September 1976.
- Muhamad Abu Bakar. 1981. Islamic revivalism and the political process in Malaysia. *Asian Survey* 21(10): 1040-1059.
- Muhamad Abu Bakar. 1987. *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur: DBP.
- Nagata, J. 1980. Religious ideology and social change: The Islamic revival in Malaysia. *Pacific Affairs* 53 (3): 405-439.
- Nagata, Judith. 1984. *The Reflowering of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals and Their Roots*. Vancouver: University of British Columbia Press.
- Risalah Juru Bicara Umat: Kumpulan Rencana Pengarang Risalah - Sempena 10 Tahun Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) 1971-1982*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Risalah*. Bil 4. 1977.
- Suara Merdeka*. 10 Oktober dan 30 Oktober 1976.
- Utusan Melayu*. 5 Julai 1978.
- Weiss, M. L. 2013. Coalitions and competition in Malaysia – Incremental transformation of a strong-party system. *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 32(2): 19-37.
- Zainah Anwar. 1990. *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*. Petaling Jaya: IBS Buku.
- Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir  
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Pusat Pengajian Teras (PPT)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
Emel : adibakmal@kuis.edu.my
- Rosfazila Abd Rahman  
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Pusat Pengajian Teras (PPT)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
Emel : rosfazila@kuis.edu.my
- Rohaini Amin  
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Pusat Pengajian Teras (PPT)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
Emel : rohaini@kuis.edu.my
- Hairol Anuar Mak Din  
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Pusat Pengajian Teras (PPT)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
Emel : hairolanuar@kuis.edu.my